

Banjir gelombang kedua bermula

KOTA BHARU – Banjir gelombang kedua dijangka bermula apabila dua pusat pemindahan mangsa banjir dibuka kembali di negeri ini, semalam.

Menurut portal rasmi Kerajaan Negeri, sehingga 6 petang semalam, dua pusat pemindahan mula beroperasi di dua jajahan utama iaitu Pasir Puteh dan juga Tanah Merah.

Di Pasir Puteh, seramai 22 mangsa melibatkan enam keluarga dari Kampung Gong Keding dipindahkan ke Sekolah Bukit Awang selepas daerah tersebut dilanda banjir semalam.

Manakala di Jajahan Tanah Merah, seramai 23 mangsa kini dipindahkan ke Dewan Desa Taqwa Kampung Nibong yang melibatkan tujuh keluarga dari daerah Jedok tersebut.

Sungai-sungai utama negeri ini juga mencatatkan jumlah bacaan paras yang semakin tinggi.

Dua sungai dilaporkan melebihi paras bahaya iaitu Sungai Golok di Jenob yang mencatatkan 24.67 meter (bahaya 23.50) dan di Rantau Panjang 9.03 (bahaya 9.00).

Dalam masa sama, tiga sungai diletakkan dalam langkah berjaga-jaga iaitu Sungai Lebir di Tualang yang mencatatkan 28.79 (berjaga-jaga 27.00), Sungai Kelantan di Jambatan Guillemard 13.82 (berjaga-jaga 12.00) dan Tangga Krai 21.87 melebihi 20.00.

Hanya dua sungai yang masih lagi berada di paras normal semalam iaitu Sungai Galas dan juga Sungai Kelantan di Tambatan Diraja.

Sehingga jam 6 petang semalam, semua lalu lintas dan jalan utama di semua daerah masih lagi dibuka untuk kegunaan orang ramai dan penduduk di kawasan rendah diminta untuk bertindak awal jika berlaku sesuatu yang tidak diingini.